



SIARAN MEDIA

THE 10TH ASIA -PACIFIC FORUM ON SUSTAINABLE DEVELOPMENT (APFSD10)

Bangkok, Thailand : 27 – 30 Mac 2023

KPKT KOMITED MENYOKONG USAHA MALAYSIA MENINGKATKAN KEMAMPAHAN EKONOMI SETEMPAT SEJAJAR DENGAN AGENDA SDGs 2030

BANGKOK, THAILAND, 27 MAC 2023 – YB Tuan Nga Kor Ming (YB KM), Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan telah mengetuai delegasi Malaysia ke ***The 10th Asia-Pacific Forum on Sustainable Development (APFSD10)*** yang berlangsung pada 27 hingga 30 Mac 2023 bertempat di Pusat Persidangan Bangsa-bangsa Bersatu (UNCC), Bangkok.

Bertemakan '**Mempercepatkan pemulihan daripada penyakit Coronavirus (COVID-19) dan pelaksanaan penuh Agenda 2030 untuk Pembangunan Mampan di semua peringkat di Asia dan Pasifik**', APFSD10 merupakan sebuah forum antarabangsa yang dianjurkan oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu.

Penganjuran APFSD10 ini bermatlamat untuk menyokong tindakan susulan dan kajian semula kemajuan Agenda 2030 untuk Pembangunan Mampan dan Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs) di peringkat serantau. Ia juga berperanan sebagai Mesyuarat Persediaan Serantau ke Forum Politik Peringkat Tinggi (HLPF) di New York pada Julai 2023.

Selaras dengan fokus HLPF 2023, APFSD10 akan menilai kemajuan pelaksanaan SDGs melibatkan Matlamat 6 (Air bersih dan sanitasi); Matlamat 7 (Tenaga yang berpatutan dan bersih); Matlamat 9 (Industri, inovasi dan infrastruktur); Matlamat 11 (Bandar dan komuniti mampan); dan Matlamat 17 (Perkongsian untuk Matlamat).

Penganjuran forum antarabangsa ini telah diadakan sejak 2014, menghimpunkan wakil-wakil kerajaan negara, wilayah dan tempatan, ahli akademik, ahli perniagaan, pemimpin masyarakat, perancang bandar dan wakil masyarakat sivil. Ia merupakan platform perbincangan isu-isu yang mendesak dan melibatkan aspek perbandaran pesat serta kesannya terhadap komuniti, bandar, ekonomi dan perubahan iklim bagi memastikan sasaran Agenda SDGs 2030 dapat dicapai.

Forum tahunan ini juga bertujuan untuk menyokong dan menyemak kemajuan pelaksanaan Agenda SDGs 2030 di peringkat wilayah. Ia juga merupakan medium perkongsian pengalaman dan amalan terbaik dari segi pelaksanaan kelestarian dan kemampuan.

YB KM berkata, “Malaysia memandang serius isu perumahan, kemampuan ekonomi setempat, ekonomi kitaran, dan komited untuk menyelesaikan cabaran-cabaran ini bagi mencapai Agenda SDGs 2030 khususnya Matlamat 11: Bandar dan Komuniti yang Mampan (*Sustainable Cities and Communities*).”

YB KM turut berucap pada Segmen Menteri ‘*Towards The 2023 Sustainable Development Goals Summit*’ yang memberi penekanan tentang peranan Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) dalam mempercepatkan penyetempatan SDGs dan penilaian SDG 11 bagi Malaysia dan bandar-bandar di Malaysia.

#StrongerTogether
#UnityInDiversity
#DemiPertiwi
#MalaysiaMADANI

Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PlanMalaysia, 6. Jabatan Landskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my

